



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal/Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENJAHIT, MENGUKUR DAN MENGHANTAR KEMUDAHAN PAKAIAN KORPORAT, PAKAIAN SERAGAM, PAKAIAN LOUNGE SUITE, PAKAIAN BLAZER DAN TALI LEHER / TUDUNG UNTUK AHLI MAJLIS DAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR TAHUN 2024 No. Sebutharga : MPKS SH 1 / 2024	222401 (PERKHIDMATAN – Perkhidmatan Menjahit Dan Baik Pulih – Menjahit Pakaian Dan Kelengkapan) Dan 020801 (PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK – Pakaian dan Kelengkapan – Pakaian) Dan 020802 (PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK – Pakaian dan Kelengkapan – Kelengkapan Pakaian)	Mulai 01.12.2023 Hingga 07.12.2023	RM 70.00	08.12.2023 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara online melalui laman web <https://ip3ks.mpks.gov.my> bermula 01 Disember 2023 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Pembekal/Syarikat perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan

pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di **Peti Tawaran Sebutharga / Tender, Majlis Perbandaran Kuala Selangor sebelum atau pada 08 Disember 2023 , jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.


(TPr. Haji Mohamad Yusli Bin Askandar A.I.S.P.P.C.,)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

QS/azrikan sh/23112023

Tarikh **23** November 2023